

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1988/89

RPW 243 - Teori dan Amalan Perancangan

Tarikh: 29 Oktober 1988

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang  
(3 jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan, DUA dari Bahagian A dan DUA dari Bahagian B

BAHAGIAN A (Jawab DUA soalan)

1. (a) Lewis Keeble berpendapat bahawa perancangan ialah suatu kesenian dan sains menyusunatur kegunaan tanah, penempatan bangunan dan saluran-saluran komunikasi supaya dapat mencapai tahap ekonomi, keselesaan dan keindahan yang maksimum dan praktikal, Huraikan kenyataan di atas.  
( 15 markah )
- (b) Apakah pentingnya perancangan untuk sesuatu pembangunan?  
( 10 markah )
2. (a) Bincangkan peranan jururancang dan masalah-masalah yang sering dihadapi oleh mereka.  
( 10 markah )
- (b) "Perancangan ialah suatu proses yang berpanjangan". Apakah yang dimaksudkan dengan pernyataan ini?  
( 15 markah )
3. (a) Mengapakah kajian penduduk dianggap sangat penting di dalam perancangan? Bincangkan aspek-aspek yang perlu dikaji di dalam kajian kependudukan.  
( 15 markah )

- (b) Terangkan dengan ringkas perbezaan di antara perancangan sosial, ekonomi dan fizikal berdasarkan kepada ciri-ciri, objektif dan strategi masing-masing.

( 10 markah )

BAHAGIAN B (Jawab DUA soalan)

4. (a) Terangkan pendekatan sistem perancangan di Malaysia kini dan nyatakan pelbagai peringkat di dalam susunan hierarki serta agensi-agensi yang bertanggungjawab untuk penyediaan rancangan dan pelan di dalam negara ini.

( 15 markah )

- (b) Nyatakan dengan ringkas perbezaan di antara Pelan Struktur dan Pelan Tempatan.

( 10 markah )

5. (a) Lakarkan carta alir proses penyediaan Pelan Struktur.

( 10 markah )

- (b) Salah satu peringkat di dalam proses penyediaan Pelan Struktur ialah penyertaan awam. Apakah yang dimaksudkan dengan penyertaan awam? Bincangkan kebaikan dan keburukan penyertaan awam di dalam proses perancangan.

( 15 markah )

6. Terangkan dengan ringkas LIMA daripada perkara-perkara berikut:

- (a) Pelan Induk
- (b) Kawalan pembangunan
- (c) Piawaian perancangan
- (d) Pengambilan tanah untuk kegunaan awam
- (e) Pengzonan
- (f) Ubah syarat kegunaan tanah
- (g) Pelan Kawasan Tindakan

( 25 markah )